

# MCA siasat kes 2 ahli bergaduh

**K**OTA KINABALU: Laporan terperinci berhubung kes pertelingkahan dua ahli MCA termasuk seorang Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) di Johor yang berpunca daripada seorang wanita, akan disediakan untuk dibawa ke peringkat Majlis Presiden parti itu.

Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting, berkata Naib Presiden parti, Datuk Dr Chua Soi Lek, dilantik mengetuai siasatan parti berhubung perkara itu, termasuk mengenal pasti kejadian sebenar.

"Walaupun ini hal peribadi tetapi pemimpin itu adalah pemimpin MCA yang dipilih mewakili parti oleh rakyat, maka beliau bertanggungjawab menjelaskan perkara sebenar.

"Kita tidak akan bertolak-ansur dan sedia mengambil tindakan sewajarnya jika ada bukti wujud salah laku dalam kes ini," katanya dalam kenyataan berbahasa Mandarin yang diedar kepada media selepas merasmikan Perhimpunan Tahunan MCA Sabah di Dewan Sekolah Kian Kok di sini, semalam.

Ong yang juga Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, turut mengingatkan pemimpin parti supaya sentiasa menjaga tingkah laku dan keperibadian kerana setiap tindak-tanduk mereka memberi kesan terhadap imej parti.

"Rakyat meletak harapan tinggi kepada pemimpin parti dan segala apa dilakukan akan diperhati.

"MCA akan menentukan tindakan selanjutnya (terhadap kedua-dua ahli) selepas laporan itu siap sepenuhnya.

Khamis lalu, seorang Adun MCA Johor berusia 57 tahun dilaporkan mengacu pistol kepada seorang ahli perniagaan berusia 42 tahun yang dikatakan merempuh masuk kondominium pemimpin politik berkenaan di Tampoi.

Kedua-duanya dilaporkan bertengkar mengenai isteri ahli perniagaan itu yang dikatakan bersembunyi di bawah katil dalam salah satu bilik di kondominium itu.